

07 JAN 2004  
YAKCOP-PROFIL  
NOR MOHAMED YAKCOP PILIHAN SESUAI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Sebagai orang bertanggungjawab di sebalik langkah menambat ringgit kepada dolar Amerika yang menghasilkan kestabilan kewangan bagi mengharungi krisis kewangan 1997/98, Menteri Kewangan II yang baru, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, adalah orang yang sesuai bagi memikul tanggungjawab itu.

Beliau, sebelum ini, juga memainkan peranan penting dalam merangka rancangan penyusunan semula bagi syarikat-syarikat kepentingan nasional seperti United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) dan Malaysian Airline System Bhd (MAS) bagi meletakkannya semula ke atas landasan yang betul selepas krisis itu.

Kini, bekas penasihat Bank Negara Malaysia (BNM) itu, juga terbabit dalam usaha menggalakkan penggunaan dinar emas dalam perdagangan antara negara.

Sepanjang kerjayanya sebelum ini, beliau bertanggungjawab dalam pelaksanaan banyak projek utama termasuk pelaksanaan sistem perbankan Islam, sistem Ar-Rahnu (pajak gadai cara Islam), pewujudan mekanisma pembayaran dua hala antara BNM dengan bank-bank pusat negara-negara selatan-selatan, penubuhan Suruhanjaya Sekuriti (SC), Cagamas Bhd dan Rating Agency Malaysia Bhd (RAM).

Beliau yang merupakan anggota pengasas Institut Kefahaman Islam (IKIM), telah memainkan peranan besar dalam perumusan dan pelaksanaan langkah-langkah kawalan pertukaran mata wang berpilih yang dilaksanakan pada September 1998.

Sejak mengambil alih tugas penasihat khas ekonomi kepada perdana menteri pada Mei 2000, beliau telah memainkan peranan utama dalam pelaksanaan penyusunan semula beberapa syarikat termasuk UEM, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), MAS, Tabung Haji, Johor Corporation, KUB, projek kereta kabel Langkawi dan syarikat-syarikat LRT, Putra dan STAR.

Beliau juga bertanggungjawab bagi pewujudan skim PROSPER (Projek

Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan), yang bertujuan mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor peruncitan.

Dengan beberapa kejayaan yang dicapainya, termasuk sebagai perancang

perbankan Islam dan kejayaan pelaksanaannya, beliau telah menerima penghargaan kerana mengetuai pasukan penasihat yang memperkenalkan reformasi yang amat diperlukan dalam sektor korporat dan kewangan.

Mengalukan pelantikan ini, Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM)

menyifatkannya sebagai perkembangan positif.

"Sebagai tokoh bank pusat yang tulen, Nor Mohamed mempunyai pengalaman

yang luas dalam persekitaran kewangan yang kompleks serta rekod pencapaian

yang terbukti dalam menguruskan krisis kewangan," kata pengerusinya, Dr

Rozali Mohamed Ali.

Ketika krisis kewangan 1997/98 mencengkam rantau ini dan ekonomi negara

ini, Nor Mohamed bertanggungjawab menasihati perdana menteri ketika itu,

Tun Dr Mahathir Mohamad, mengenai pelaksanaan kawalan modal yang mencetuskan kontroversi, termasuk penetapan mata wang ringgit.

Kawalan modal berpilih membuktikan sangkaan mereka yang ragu-ragu

terhadap langkah itu meleset apabila ia berjaya membawa Malaysia keluar

daripada krisis itu lebih awal daripada negara-negara lain yang turut

terjejas dan menerima formula penyelamat Tabung Kewangan Antarabangsa

(IMF).

Nor Mohamed telah dilantik sebagai penasihat khas mengenai hal ehwal

kewangan kepada Dr Mahathir pada Mei 2000 dan dikekalkan memegang jawatan

itu oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disebabkan oleh pengalamannya

yang luas itu.

Nor Mohamed yang dilahirkan di Pulau Pinang 56 tahun lalu, mendapat

pendidikan awalnya di St Xavier's Institution, Pulau Pinang sebelum memperoleh ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti

Malaya

pada 1972 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of

Leuven, Belgium pada 1979.

Kerjayanya di Bank Negara berterusan selama 26 tahun dari 1968 hingga

1994 sebelum beliau menyertai sektor swasta.

Pada September 1998 beliau kembali bertugas di bank pusat itu sebagai

penasihat khas hingga awal tahun 2000.

Penglibatannya dalam sektor swasta dari 1994 hingga 2000 termasuk memegang jawatan sebagai pengarah urusan RHB Research Institute Sdn Bhd, penasihat kepada Jati Discounts Bhd, pengerusi eksekutif Mun Loong Bhd, naib presiden Abrar Group International dan naib pengerusi eksekutif Abrar Corporation Bhd.

Nor Mohamed adalah ahli lembaga pengarah MAS dan Khazanah Nasional, dan menganggotai jawatankuasa kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sejak Mei 2000.

Beliau berkahwin dengan Puan Sri Fawziah binte Mohd Abu Bakar dan dikurniakan tiga orang anak. -- BERNAMA

SHO MAD FR KY JR